

# Jihad Bahasa Melaksanakan Dasar Bahasa

Oleh **KALAM BUDIMAN**


Scenario pelaksanaan dasar bahasa kini seolah-olah menuntut supaya "jihad bahasa" digerakkan. Tindakan ini bukan bermakna bahawa rakyat Malaysia menutup diri sehingga menolak keperluan untuk menguasai bahasa dunia yang utama, seperti bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis dan bahasa Arab. Itulah yang ditegaskan oleh Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia-Kelantan, Datuk A. Aziz Deraman, dalam Wacana Pengurusan: Jati Diri Bangsa dan Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, pada 9 Mac 2018 yang lalu.

Menurut mantan Ketua Pengarah DBP itu lagi, hal yang penting ialah citra Malaysia itu mesti jelas bahawa negara berdaulat ini memiliki bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sendiri yang kukuh dan kekal dijunjung. Dalam hal ini, beliau menimbulkan persoalan tentang keazaman politik dan kebijaksanaan pelaksana pada semua peringkat untuk memenuhi tanggungjawab Perlembagaan Persekutuan. Hal ini dikatakan demikian kerana perlembagaan negara menetapkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.

"Bahasa Melayu telah dikanunkan statusnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi melalui Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan diperkukuh lagi dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Hal ini bermakna bahawa Malaysia ada dasar bahasa negara," jelas A. Aziz. "Aspirasi perlembagaan ialah aspirasi pembentukan kenegaraan dan pembinaan bangsa. Bahasa asas pembinaan tamadun dan kerana sebab itu, bahasa ialah pancang utama kepada jati diri bangsa Malaysia."

Ahli Majlis Dakwah Negara Malaysia itu turut menyentuh peranan DBP. Menurutnya, tugas pelaksanaan dasar bahasa tertanggung di bahu semua pihak berkuasa dan bukan tugas DBP semata-mata.

“**Bahasa dan jati diri bangsa mempunyai kaitan rapat.**”



Datuk A. Aziz Deraman menjawab pertanyaan.

Agensi itu mungkin menjadi "pemantau" pelaksanaan dasar bahasa, sesuai dengan kehendak akta tubuhnya untuk menegur dan menasihati masyarakat serta menyediakan pedoman dan memberikan khidmat nasihat bahasa. "Sejak usia kelahirannya pada tahun 1956, DBP telah berjaya untuk melaksanakan matlamatnya, seperti kehendak akta tubuhnya, khususnya dari segi pembakuan bahasa. Bahasa Melayu sudah terbukti berjaya diangkat ke tahap bahasa ilmu."

Persoalan, sama ada bahasa Melayu akan hanya menjadi "bahasa bazar" yang digunakan dalam kegiatan rendah sekadar untuk membeli nasi lemak, kuetiau, dan roti canai ataupun tidak, juga ditimbulkan. Dalam hal ini, sarjana bahasa dan bahasawan menyatakan bahawa bahasa akan pupus apabila penuturnya sendiri pupus, kebolehan penggunaannya secara berkesan hilang, dan berlakunya anjakan bahasa, yakni setelah ada peralihan kepada bahasa lain atau bahasa asing yang mengambil tempat dalam bidang kehidupan. Oleh itu, A. Aziz melontarkan persoalan – adakah

benar bahawa fungsi rasmi dan fungsi kebangsaan bahasa Melayu sedang diambil alih oleh bahasa Inggeris?

Yang terus-menerus ditegaskan ialah bahawa bahasa ialah asas pembinaan tamadun bangsa. Generasi muda kini mungkin tidak sedar atau tidak tahu bahawa banyak bahasa sudah lenyap dari muka bumi ini. Satu daripadanya ialah bahasa Hawaii. Yang ironinya ialah negeri Hawaii, yang maju dari segi pelancongan kerana kehadiran ribuan pelancong pada setiap tahun, dan masyarakatnya masih wujud, tetapi bahasanya telah pupus dari dunia ini. "Adakah nasib yang sama akan dialami oleh bahasa Melayu?" tanya budayawan-pentadbir itu lagi.

Wacana Pengurusan: Jati Diri Bangsa dan Bahasa dianjurkan oleh DBP untuk memberikan penjelasan tentang kepentingan jati diri bangsa dan bahasa. Dengan hal yang demikian, masyarakat negara ini, terutama generasi muda, khususnya orang Melayu, tidak memandang isu bahasa dengan remehnya kerana kaitannya dengan jati diri bangsa. **DB**